

## Kemiskinan dan Ketidakeimbangan: Pengukuran Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi dan Pemetaan Kemiskinan ke Arah Penghidupan Lestari

Siti Zalikha Binti Zahari (P75004) dan Chamhuri Siwar

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: csiwar@ukm.edu.my

**Pernyataan Masalah:** Kemiskinan merupakan isu penting yang mempengaruhi pembentukan dasar pembangunan dan perancangan di Malaysia. Kadar kemiskinan ditunjukkan dengan mendapatkan peratusan bilangan mereka yang miskin daripada keseluruhan penduduk atau isi rumah yang dikaji, dan garis pemisah untuk membezakan antara yang miskin dan tidak miskin ialah melalui pendapatan garis kemiskinan (PGK) per kapita. Pendapatan garis kemiskinan (PGK) merupakan kaedah tradisional untuk mengukur kemiskinan. Walau bagaimanapun, PGK hanya mengukur kemiskinan berteraskan aspek pendapatan sahaja. **Objektif:** Kertas ini membincangkan kaedah indeks kemiskinan pelbagai dimensi yang diperkenalkan oleh Alkire dan Foster pada tahun 2007 dalam mengukur kemiskinan dan penghidupan lestari daripada aspek ekonomi, sosial, dan alam sekitar di Kota Bharu dan Tumpat. **Metodologi:** Terdapat 10 indikator dalam 3 dimensi yang dikaji iaitu dimensi pendidikan, kesihatan, dan kesejahteraan hidup. Kajian ini dilakukan ke atas 20 isi rumah di Kota Bharu dan 14 isi rumah di Tumpat. Data yang digunakan adalah data sekunder yang diperolehi daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) menerusi portal e-Kasih dari tahun 2010 hingga 2014. **Hasil:** Selain mengetahui dimensi utama kemiskinan kepada masyarakat itu, kajian ini juga menganggarkan kemiskinan dan ketidakseimbangan menggunakan pemetaan kemiskinan yang turut diperkenalkan sebagai salah satu alternatif pengukuran kemiskinan berdasarkan lokasi geografi yang ingin disampaikan dalam bentuk grafik. Paparan maklumat yang berguna dapat membantu agensi melaksana dan memantau program bantuan dengan lebih berkesan. **Kesimpulan:** Implikasi dasar akan dibincangkan bagi tujuan perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan untuk menentukan kejayaan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di Malaysia.